

CATUR

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1. Pertandingan catur MASUM akan dijalankan mengikut:

1.1.1. Undang-undang dan Peraturan Am Sukan MASUM.

1.1.2. Peraturan Teknikal Federation Internationale Des Echecs (FIDE) semasa.

1.2. Pertandingan ini terdiri daripada acara-acara berikut:

Lelaki	Wanita
Rapid Individu	Rapid Individu
Rapid Berpasukan	Rapid Berpasukan

1.3. Setiap universiti dibenarkan menghantar:

1.3.1. Maksimum 6 pemain lelaki, 6 pemain perempuan dan 4 pegawai. Bilangan pegawai tidak boleh melebihi bilangan pemain.

1.3.2. Setiap pemain boleh mengambil bahagian dalam maksimum 2 acara.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1. Sistem Permainan

2.1.1. Pertandingan ini dijalankan mengikut sistem Swiss 9 pusingan.

2.1.2. Dalam dua pusingan terakhir, pemain yang mempunyai lebih daripada 50% markah tidak boleh main dengan pemain daripada pasukan yang sama.

2.2. Tempoh permainan

Masa Permainan adalah 60 minit untuk setiap pergerakan untuk setiap pemain.

2.3. Kawalan Masa

Kawalan masa untuk setiap permainan dibuat dengan menggunakan jam catur.

2.4. Merekod Permainan

Setiap pemain dikehendaki merekod setiap pergerakan yang dilakukan kecuali untuk 5 minit terakhir perlawanan.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



2.5. Kedudukan Penyertaan

2.5.1. Sistem mata berikut akan digunakan

Menang	1 mata	Seri	½ mata	Kalah	0 mata
--------	--------	------	--------	-------	--------

2.5.2. Jika terdapat pemain yang mempunyai mata yang sama, sistem pemutus seri berikut akan digunapakai :-

- Mata
- Buchholz
- Sonnerborn-Berger
- Permainan (Putih dengan 6 minit mesti menang Hitam dengan 5 minit. Warna ditentukan oleh cabutan undi yang dibuat oleh arbiter).

2.5.3. Untuk pertandingan berpasukan, hanya jumlah pungutan mata oleh keempat-empat pemain dalam kumpulan yang sama akan menentukan pemenang.

2.5.4. Jika terdapat pasukan yang mempunyai mata yang sama, sistem pemutus seri berikut akan digunapakai :-

- Jumlah mata daripada 3 pemain terbaik dalam pasukan yang sama.
- Nombor terkecil daripada jumlah kedudukan 3 pemain terbaik.
- Permainan (Setiap pasukan memilih seorang wakil. Putih dengan 6 minit mesti menang Hitam dengan 5 minit. Warna ditentukan oleh cabutan undi yang dibuat oleh arbiter).

2.6. Pakaian Pertandingan

Pemain hendaklah memakai baju dan seluar yang dibekalkan oleh Universiti mereka. Jika universiti tidak membekalkan baju, pemain hendaklah berpakaian kemas. (tidak dibenarkan berselipar).

3. RINGKASAN PENYERTAAN

Catur	Bilangan maksimum penyertaan setiap universiti
Peserta Lelaki	6
Peserta Wanita	6
Pegawai Pasukan*	4

*Bilangan pegawai pasukan tidak boleh melebihi bilangan peserta.